

ورتاق فرنشن Warta Penerangan



OGOS 2015





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak

Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Muka

Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara	5
Bendera Besar Negara dikibarkan	6
Poster-Poster terbitan Jabatan Penerangan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69	7
Zahir kesyukuran dengan mengibar bendera	8 - 9
Perpaduan jamin keselamatan, wujudkan keharmonian	10 - 11
Taklimat Kenegaraan	11
Hormati bendera negara simbol kedaulatan raja dan bangsa	12 - 13
MRO bertugas semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69	12
Patuhil aturan MRO dan anggota keselamatan	13
Program pengibaran bendera suntik semangat nasionalisme	14 - 15
Pelajar perlu persiapkan kehidupan dengan ilmu dan nilai murni	16 - 17
Mahasiswa mahasiswi generasi penerus	18 - 20
Inovasi tingkatkan pertumbuhan ekonomi	21
Brunei-Malaysia tingkatkan pengetahuan cabaran komunikasi	22 - 23
PENTARAMA penyalur maklumat menerusi hiburan	24 - 25
Ramah Mesra Hari Raya Jabatan Penerangan	26
Program Jalinan Mesra Penerangan kukuhkan keharmonian	27
Program Jalinan Mesra Penerangan di Daerah Temburong	28
Eratkan hubungan masyarakat di bulan Syawal	29
Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja	30
LED TV Jabatan Penerangan	30
Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / bengkel / ceramah bagi bulan Ogos 2015	31
Ucapan tahniah	31
Pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat / Kakitangan yang bersara	31

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani poster besar yang disembahkan oleh Jabatan Penerangan sempena keberangkatan baginda ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara pada 23 Ogos 2015 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.



POSTER besar yang disembahkan oleh Jabatan Penerangan. (gambar atas)

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan (gambar kiri).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, berkenan bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta pegawai-pegawai Jabatan Perdana Menteri.

Bendera besar negara dikibarkan

Oleh: Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Ogos. - Bendera besar negara hari ini berkibar megah di Kawasan Lapang Kompleks Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sejurus Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 tahun ini.

Hadir selaku tetamu kehormat di upacara tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Upacara Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Bendera Besar Negara Brunei Darussalam yang berukuran 3.7m x 7.3m dinaikkan dan lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.

Upacara diteruskan dengan penyerahan Bendera Negara Brunei








Darussalam berukuran 1.8m x 3.7m dan Poster-Poster Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abd. Karim, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abd. Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Dengan berkibarnya Bendera Besar Negara Brunei Darussalam ini menandakan bermulanya untuk mengibarkan bendera di seluruh negara bermula pada 1 hingga 31 Ogos 2015. Penaikan dan Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam tersebut diharap akan dapat meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab dalam konteks kehidupan bernegara, berbangsa, berkerajaan dan beraja.

Justeru itu, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ahli jawatankuasa dan pemimpin-pemimpin masyarakat, ketua-ketua keluarga dan pemimpin belia supaya akan dapat bersama-sama saling ingat-mengingati bagi memastikan perlaksanaan tanggungjawab setiap rakyat dan penduduk bagi pengibaran bendera Negara Brunei Darussalam pada tarikh yang telah ditetapkan, ini juga termasuklah di bangunan-bangunan Kerajaan, premis-premis perniagaan dan perusahaan serta rumah-rumah kediaman dan persendirian serta di sepanjang jalan-jalan utama yang strategik.

Poster-Poster terbitan Jabatan Penerangan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69



Zahir kesyukuran dengan mengibar bendera

Oleh: Norliah binti Md. Zain

Foto : Masri Osman, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEMANGKU Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Ogos. - Masjid Omar 'Ali Saifuddien menjadi tumpuan lebih 600 jemputan yang menghadiri Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69, 2015 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat program, Pemangku Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri Yang Mulia Dato Paduka Haji Abdul Wahab bin Juned.

Pada program tersebut satu ceramah khas bertajuk 'Bendera Lambang Kekuatan dan Kedaulatan' telah disampaikan oleh Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Dr. Haji Mohammad Hussain dalam ceramahnya menekankan apabila kita disuruh untuk mengibar bendera kerana menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'alaa atas nikmat keamanan, kesejahteraan dan dikurniakan pemimpin yang bijaksana, maka kita selaku rakyat wajiblah mematuhiinya.

Beliau turut mengimbas kembali sejarah peperangan pada zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di mana bendera digunakan bagi memimpin setiap kali berlakunya peperangan dan benar-benar dipertahankan agar tidak gugur.

Tambahnya, di dalam peperangan, musuh akan mengintai bendera kerana gugurnya bendera boleh

menyebabkan kucar-kacir dan gerun di dalam pasukan.

Program ini diharapkan untuk menanam dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaik dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Pada tahun ini, format program ini berunsurkan keagamaan dan atur cara disusun dan disesuaikan mengikut konsep berkenaan.

Pendekatan ini diharapkan dapat memperkasa rasa kecintaan terhadap bendera negara dan mendorong kesediaan dan semangat yang berkobar untuk mengibarkannya.

Majlis diteruskan dengan pembacaan Ratib Al-Attas diketuai oleh Mudim Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Turut hadir Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai beruniform, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, pegawai dan pengamal perhubungan awam dari seluruh agensi kerajaan, dan pegawai-pegawai dari pihak swasta.



PEMBACAAN Ratib Al-Attas diketuai oleh Mudim Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan.



BACAAN Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an dibacakan oleh Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Mohammad bin Ali yang juga merupakan Johan Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Moscow, Russia.

TIMBALAN Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad semasa menyampaikan ceramah khas bertajuk 'Bendera Lambang Kekuatan dan Kedaulatan'.



SEBAHAGIAN para jemputan yang menghadiri Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Perpaduan jamin keselamatan, wujudkan keharmonian

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said



HADIR dalam Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Temburong ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A.Rashid.

TEMBURONG, Ahad, 2 Ogos. - Bendera merupakan lambang perpaduan rakyat sesebuah negara walaupun wujud berbilang agama, keturunan, bangsa dan fahaman namun tetap bersatu di bawah naungan seorang raja atau ketua negara. Perpaduan itu menjamin keselamatan dan mewujudkan keharmonian dan pembangunan.

Demikian antara yang dijelaskan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar dalam ceramahnya pada Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Temburong yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Pengibaran bendera tegas beliau, dapat menunjukkan semangat kenegaraan serta cinta kepada raja dan negara. Justeru itu, sebagai rakyat seharusnya menghormati bendera negara kerana ia adalah identiti tersendiri bagi simbol dan lambang kedaulatan pemerintah dan bangsa sesebuah negara.

Pada program sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69, beliau juga menyatakan Negara Brunei Darussalam mempunyai bendera kebangsaan tersendiri dengan warna kuning, putih, hitam serta panji-panji negara di tengahnya yang tertulis membawa maksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan dengan Petunjuk Allah'.

Kandungan kata-kata itu katanya lagi, membawa makna antara lain untuk sentiasa berkhidmat, berbakti,



BACAAN ayat suci Al-Qur'an oleh Pegawai Pelajaran dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Awang Haji Asri bin Haji Timbang.

berjasa kepada agama dan negara dengan bimbingan dan petunjuk Allah dan ia amat relevan dijadikan sebagai konsep hidup dalam berkeluarga dan bernegara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A.Rashid.

Program turut disemarakkan dengan bacaan Ratib Al-Attas, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis dan bacaan ayat suci Al-Qur'an oleh Pegawai Pelajaran dari Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Awang Haji Asri bin Haji Timbang. Program yang merupakan projek



BACAAN Ratib Al-Attas dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Kamarulzaman bin Kamis memeriahkan Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Temburong.

berterusan Jabatan Penerangan bagi menimbulkan kesedaran mendalam kepada rakyat dan penduduk di bumi bertuah ini akan peranan dan tanggungjawab masing-masing terhadap pengibaran bendera negara pada masa-masa tertentu.

Pada kali ini, Jabatan Penerangan membuat perubahan terhadap format majlis dengan mengadakannya dalam berbentuk keagamaan dan pendekatan baharu itu diharap akan dapat memperkasa rasa kecintaan terhadap bendera negara dan seterusnya mendorong kepada kesediaan dan semangat berkobar-kobar untuk mengibarkannya.



PENGARAH Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar semasa menyampaikan ceramah.

Taklimat Kenegaraan

Oleh & Foto :
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani



TAKLIMAT Kenegaraan di Sekolah Menengah Menglait.

GADONG, Isnin, 31 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan Taklimat Kenegaraan bagi 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bagi Sekolah-sekolah Menengah Seluruh Negara 2015 dengan mengadakan kunjungan ke Sekolah Menengah Menglait. Seramai 484 orang pelajar dari tahun 7 hingga tahun 11 menghadiri taklimat berkenaan.

Taklimat berkenaan telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail dari Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan. Dalam taklimatnya, beliau antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Program ini adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para penuntut untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera Negara.

Taklimat yang seumpama juga diadakan bagi pelajar penerima Biasiswa 'Sultan's Scholar' pada 3 Ogos 2015 dan pelajar-pelajar Kolej Universiti Penguruan Ugama Seri Begawan pada 19 Ogos yang lalu.

Hormati bendera negara simbol kedaulatan raja dan bangsa

Oleh: Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KUALA BELAIT, Ahad, 2 Ogos. - Untuk menanam dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk di negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaik dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-69, Tahun 2015, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), telah mengadakan Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-69 yang berlangsung serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Belait, hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Industri Hiliran dan Tenaga), JPM, Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Julaihi. Majlis berlangsung di Masjid Muhammad Jamalul Alam.

Majlis dihadiri lebih dari 300 para jemputan. Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Hasmiron bin Haji Mohd. Taib, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai beruniform, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, persatuan-persatuan, pengetua dan guru-guru besar serta syarikat-syarikat swasta di daerah ini.

Program juga dihasrat bagi meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat serta penduduk negara ini



SETIAUSAHA Tetap (Industri Hiliran dan Tenaga), JPM, Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Julaihi semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Belait bertempat di Masjid Muhammad Jamalul Alam.

terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa serta negara.

Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara dilaksanakan berunsurkan keagamaan yang disusun dan disesuaikan mengikut konsep yang telah ditentukan.

Majlis turut diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Abdul Qawiyuddin bin Suhaili yang juga merupakan Johan Musabaqah Tilawatil Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Daerah Belait 2014 dan diikuti dengan ceramah khas yang berkisar mengenai dengan bendera dalam Islam serta semangat patriotisme dan nasionalisme yang disampaikan oleh Pensyarah dari Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin.

Program diteruskan dengan bacaan Ratib Al-Attas yang diketuai Awang Haji Mohd. Hafiq bin Zainuddin, Pemangku Imam dan diakhiri dengan bacaan Doa 'Allah Peliharakan Sultan'.

MRO bertugas semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69





PENSYARAH dari Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Firdaus bin Orang Kaya Kaya Haji Nordin semasa menyampaikan ceramah khas yang berkisar mengenai dengan bendera dalam Islam serta semangat patriotisme dan nasionalisme.



SEBAHAGIAN para jemputan yang menghadiri Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Seri Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 bagi Daerah Belait.

Patuhi aturan MRO dan anggota keselamatan

Oleh: Nooratini Haji Abas
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Ogos. - Lebih 250 wakil media terdiri daripada wartawan dan jurufoto tempatan serta swasta, pertubuhan-pertubuhan dan kelab-kelab serta orang perseorangan akan membuat liputan pada acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69.

Jabatan Penerangan mengadakan Taklimat Media mengenai sambutan tersebut kepada wakil-wakil media dan diikuti dengan pengagihan pas-pas media berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Taklimat Media tersebut disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.

Dalam taklimatnya, beliau mengingatkan para media akan dapat menempatkan diri pada zon-zon pas media yang disediakan serta tidak akan memasuki zon-zon larangan pada sambutan perayaan yang akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Beliau seterusnya menegaskan pihak media untuk tidak memakai pakaian yang kurang sopan selain itu, patuhi peraturan-peraturan serta etika pakaian semasa membuat liputan.

TAKLIMAT Media disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir.



SEBAHAGIAN daripada jurufoto berdaftar yang hadir bagi mendengar taklimat media sebelum diserahkan pas badan.



WAKIL media ketika mengambil pas media untuk membuat liputan sepanjang Sambutan Hari Keputeraan KDYMM Ke-69 Tahun.

Justeru itu, beliau berharap para media akan mematuhi arahan dan peraturan daripada Pegawai Perhubungan Media (MRO) dan anggota keselamatan dan seterusnya menyeru para media akan memakai pas media tersebut semasa membuat liputan di semua acara sambutan hari keputeraan.

Program pengibaran bendera suntik semangat nasionalisme

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Muhammad Asri Haji Awang Abas



HADIR selaku tetamu kehormat dalam Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

TUTONG, Ahad, 2 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) buat julung kalinya menganjurkan Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 yang diadakan serentak di keempat-empat daerah.

Program tahun ini dilaksanakan dengan berunsurkan keagamaan, yang mana atur cara disusun dan disesuaikan mengikut konsep berkenaan.

Sehubungan itu, di Daerah Tutong, program telah diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Kira-kira 300 orang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali; pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai beruniform, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya, pegawai dan pengamal perhubungan awam dari seluruh agensi kerajaan dan pihak swasta juga menghadiri majlis berkenaan.

Acara program dimulai dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh salah seorang peserta pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1436

Hijrah / 2015 Masihi, Awang Haji Muhammad Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.

Program diteruskan dengan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Dekan Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili yang antara lain menerangkan mengenai dengan bendera dalam Islam yang berkaitan dengan semangat patriotisme dan nasionalisme.

Menyentuh mengenai sejarah tentera Islam zaman dahulu, beliau menjelaskan bahawa signifikan bendera dalam Islam ialah ia dapat menaikkan semangat jihad dalam Islam.

Islam tambahnya, melihat bendera itu sebagai perkara yang sangat-sangat penting dan adalah sebagai penghormatan kita selaku rakyat.

Sejurus itu, bacaan Ratib Al-Attas dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Aidil Sufian bin Haji Muhammad Yassin yang juga mengepalai bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Program dihasratkan antara lain untuk menanam dan mempertingkatkan kesedaran rakyat dan penduduk di negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaik dan mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69, tahun ini.

Di samping itu, ia akan dapat meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat serta penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa serta negara.



MAJLIS Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Tutong dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dikepalai oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.



PERSEMBAHAN bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Haji Muhammad Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Dekan Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.



ANTARA yang hadir dalam Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Tutong.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Tutong bergambar ramai bersama Tetamu Kehormat.

Pelajar perlu persiapkan kehidupan dengan ilmu dan nilai murni

Oleh: Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod

Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Ogos. - Anak-anak muda khususnya pelajar perlu sentiasa membuka mata, telinga dan minda untuk mendapatkan pengalaman, pedoman dan teladan kehidupan orang-orang tua, ibu bapa, guru-guru dan pemimpin-pemimpin negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned menegaskan, kehidupan itu adalah terlalu kompleks untuk diambil ringan dengan sambil lewa, justeru itu, dalam hidup, manusia perlu mempersiapkan diri bukan sahaja dari segi menuntut ilmu untuk menjadi orang yang berkelulusan tinggi, pakar, konsultan, ahli profesional, ahli perniagaan atau pemimpin yang mana persiapan itu adalah luas dan pelbagai bentuk.

Berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil sempena Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab seterusnya berkata, kepentingan menuntut ilmu itu sebagai keperluan hidup yang mana ke pelusuk dunia manapun, pendidikan tetap menjadi keperluan utama kehidupan.

"Nilai-nilai sosio-budaya yang positif dan dapat membantu manusia untuk berjaya tetapi tidak semua nilai-nilai sosio-budaya bangsa yang maju dan unggul itu kesemuanya baik. Mereka juga menghadapi hambatan dari nilai-nilai sosio-budaya yang menjadikan mereka terlampau bebas sehingga membawa kepada pendirian dan sikap yang di luar norma dan tidak terkawal sehingga masyarakat mereka tidak terkecuali dari amalan-amalan



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil sempena Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015.

budaya kuning. Perkara-perkara seperti penggunaan dadah, 'achoholism', 'sex' bebas, perkosaan wanita, 'sex' sumbang, perjudian, pengguguran bayi, pelacuran dan pelbagai jenayah yang menjadi cabaran di tengah-tengah kehidupan bertamadun dunia," tegas Yang Mulia Dato Paduka yang juga selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapannya Dato Paduka juga memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda





TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa hadir selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.



TETAMU kehormat semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta kursus.

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam yang antara lain menekankan mengenai negara ini perlu dengan segera melakukan penghijrahan minda: dari suka menunggu-nunggu dan berpeluk tubuh kepada rajin bekerja, dari banyak bergantung harap kepada lebih membanyakkan usaha dan dari kurang berdikari kepada lebih berdikari.

Mengakhiri ucapan dengan satu rumusan yang ingin melihat anak-anak muda yang berpelajaran tinggi dan terdidik dengan mempunyai pemikiran dan sikap progresif dan nilai-nilai sosio-budaya Brunei, bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat, ugama dan negara, taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan pemerintahan baginda.

Pada majlis penutup yang berlangsung di Auditorium Jabatan Penerangan, seramai 40 mahasiswa-mahasiswi yang menuntut di luar negara dan institut pengajian tinggi dalam negara menerima sijil-sijil penyertaan masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Bagol dan Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya, selaku Pengerusi Bersama.

Sementara itu wakil peserta kursus berkenaan, Awangku Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin, berkata, kursus selama enam hari itu sangat bermanfaat bagi para mahasiswa-mahasiswi seperti mendatangkan wakil daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta bagi menyampaikan taklimat tertentu.



Mahasiswa mahasiswi generasi penerus

Oleh: Haniza Abdul Latif, Dk Nur Effa Ryina Pg Haji Hamdani

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Dk Nur Effa Ryina Pg Haji Hamdani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Ogos. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkata, Negara Brunei Darussalam sangat beruntung mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi.

Jelasnya, mahasiswa mahasiswi yang menyertai Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua adalah generasi penerus yang akan menjadi pemimpin dan penggerak pentadbiran negara.

Pemangku Pengarah Penerangan menyatakan perkara tersebut semasa Sesi Pendaftaran Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua bertempat di Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Oleh itu, tegasnya, mahasiswa mahasiswi bukan saji penting dipenuhi dengan ilmu pendidikan, ilmu agama malah yang berkaitan dengan kenegaraan dan kemasyarakatan.

Terdahulu itu, Awang Mawardi menjelaskan, program ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan maklumat terkini mengenai Negara Brunei Darussalam, di samping itu akan dapat membolehkan mahasiswa mahasiswi mengadakan interaksi dan percambahan fikiran bukan saji dalam kalangan masing-masing, tetapi juga dengan agensi-agensi kerajaan malah masyarakat di mukim dan kampung.

Pada majlis suai kenal tersebut, para mahasiswa mahasiswi juga diberikan penerangan ringkas mengenai Program Perkampungan Sivik 2015 Kali Kedua yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan dari Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim. Seramai 42 mahasiswa dan mahasiswi yang belajar di dalam dan luar negara, iaitu United Kingdom, Mesir, Sultan's Scholar, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mengikuti program tersebut yang berjalan selama enam hari, bermula 22 hingga 27 Ogos 2015.

Program merupakan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Bahagian Dermasiswa, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kali ini ia diadakan di Daerah Belait.

Semasa menjalani perkampungan, mereka didedahkan dengan beberapa sesi taklimat dari beberapa buah agensi kerajaan dan melawat ke beberapa tempat yang menghasilkan produk-produk kampung.

Para mahasiswa dan mahasiswi juga melakukan kerja-kerja amal di salah sebuah kampung di Mukim Labi dan kegiatan keagamaan bersama Ahli Takmir Masjid Kampung Labi.

Diperkenalkan sejak tahun 1976, perkampungan kali ini antara lain memberikan ruang untuk berbincang dan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika berucap semasa Sesi Pendaftaran Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua bertempat di Auditorium Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

memahami keperluan semasa bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang, dan mengingatkan mahasiswa dan mahasiswi supaya sentiasa berwaspada dengan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam.



PENERANGAN ringkas mengenai Program Perkampungan Sivik 2015 Kali Kedua disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan jemputan khas ketika lagu kebangsaan dimainkan.



MAHASISWA dan mahasiswi yang mengikuti Perkampungan Sivik Mahasiswa Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua (gambar atas dan bawah).



MAHASISWA-MAHASISWI mendengarkan taklimat dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri.

MAHASISWA melakukan kerja amal di Mukim Labi.



AKTIVITI keagamaan bersama ahli jawatankuasa takmir masjid Mukim Labi antara aktiviti yang disusun pada program Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015.



AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Mukim Labi menerima wakaf berupa peralatan elektrik sumbangan hamba Allah dan Ahli Jawatankuasa Perkampungan Sivik.



MAHASISWA-MAHASISWI yang mengikuti Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah (gambar atas dan bawah).



"Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan" disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.



PROGRAM Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua diteruskan dengan sesi Kuliah Subuh bertempat di Dewan Serbaguna Mukim Labi.

Inovasi tingkatkan pertumbuhan ekonomi

Oleh : Noraisah Muhammed, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Aimi Sani

Foto : Noraisah Muhammed, Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Ogos. - Inovasi amat penting kepada sesebuah negara kerana ia dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, menyumbang lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, selain dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang bukan bersumber daripada pengeluaran minyak dan gas selaras dengan Wawasan 2035.

Penolong Pengurus iCentre, Izzah Jomari menjelaskan perkara tersebut semasa memberikan taklimat kepada 42 peserta Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Tahun 2015 Kali Kedua yang mengadakan lawatan ke bangunan iCentre di Kampung Anggerek Desa.

Taklimat antaranya juga menyentuh mengenai situasi negara terkini yang memerlukan tindakan segera ke arah membantu perkembangan bagi meningkatkan peluang-peluang pekerjaan memandangkan jumlah pengangguran yang sudah mencecah sejumlah 15,000 sehingga bulan Mac 2015.

Sementara di Daerah Belait, para peserta berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman pada 23 Ogos yang lalu.

Mahasiswa-mahasiswi juga membuat lawatan ke Perusahaan Ternakan Udang Galah yang dimiliki oleh Dayang Aliyah Rahagi binti Deli, terletak di Kampung Labi dan seterusnya melawat ke ternakan lembu, kambing dan itik, mereka juga berpeluang menyaksikan proses pembuatan telur masin serta aktiviti memancing.

Pada 26 Ogos para peserta dibawa meninjau lebih dekat Syarikat Metanol Brunei Sendirian Berhad (BMC) untuk mendedahkan mereka untuk menimba pengalaman dan pandangan yang dikongsi oleh syarikat-syarikat berkaitan dengan program teknikal dan kejuruteraan di Negara Brunei Darussalam.



PARA peserta Perkampungan Sivik mahasiswa-Mahasiswi Negara Brunei Darussalam tahun 2015 ketika mendengarkan penerangan semasa lawatan ke bangunan iCentre, Kampung Anggerek Desa.



KEGIATAN lawatan peserta Kursus Sivik di ladang ternakan lembu dan itik.



MAHASISWI meninjau proses pemuliharaan bagi penetasan benih-benih telur udang galah.



MAHASISWA mencuba nasib dengan memancing ikan di Kampung Labi.

Brunei - Malaysia tingkatkan pengetahuan cabaran komunikasi

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN - Delegasi seramai lima orang dari Malaysia yang menyertai Program Pertukaran Pegawai Perhubungan Awam ke Negara Brunei Darussalam Dalam Bidang Penerangan yang bermula 5 hingga 9 Ogos 2015, meneruskan program tersebut dengan mengadakan kunjungan hormat kepada Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Rombongan diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Pasukan Komunikasi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Encik Jaafar bin Jantan.

Menurut ketua delegasi, Awang Jaffar bin Jantan dalam kita meningkatkan hubungan serantau kita dapat meningkatkan segi pengetahuan bagi tandingan fungsi dan peranan di kalangan pegawai penerangan terutamanya dalam Perhubungan Awam.

"Dari sini kita dapat bertukar pandangan dan idea bagaimana untuk meningkatkan atau memberi satu konteks penerangan yang secara terus kepada masyarakat bagaimana hendak membentuk masyarakat yang bermaklumat atau komiti yang bermaklumat melalui dengan kaedah-kaedah seperti bersua muka dan konteks yang berbeza-beza," jelasnya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi amat berterima kasih dengan kunjungan dari Malaysia kerana dengan adanya kunjungan ini dapatlah berkongsi pengalaman dan pengetahuan dan mempelajari dari pihak Malaysia bagaimana menghadapi krisis-krisis perhubungan melalui tragedi kehilangan pesawat MH370 dan MH17.

Satu sesi permuzakarahan di antara Pegawai-Pegawai dan Pengamal Perhubungan Awam Negara Brunei Darussalam bertajuk 'Mengendalikan ekspektasi orang ramai dengan cabaran-cabaran yang ditempuhi melalui media sosial dan media baru' dan 'Mengendalikan aduan dan memberikan bantuan kepada orang ramai' masing-masing disampaikan oleh para pegawai Perhubungan Awam Brunei Darussalam terdiri dari Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Kementerian Kesihatan, Awang Nazdeny Ardian bin Haji Johan dan Pemangku Ketua Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei, ASP Haji Mohamad Noor bin Haji Abd Rahman.

Para pegawai Perhubungan Awam Malaysia terdiri daripada Encik Jargit Singh dan Encik Razali Yaasin juga masing-masing mengongsikan pengalaman dalam mengendalikan pusat media, di samping peranan dan tanggungjawab Perhubungan Awam.

Sepanjang program lima hari ini, delegasi Malaysia berkesempatan meninjau secara lebih dekat ke beberapa institusi termasuk Jabatan Penerangan, Radio Televisyen Brunei (RTB), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), DST Communications dan juga menyertai Program Sua Muka di Kampung Lambak Kiri.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos menerima cenderahati yang disampaikan oleh ketua delegasi dari Jabatan Penerangan Malaysia di Majlis Makan Malam.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menerima kunjungan hormat delegasi dari Malaysia yang menyertai Program Pertukaran Pegawai Perhubungan Awam ke Negara Brunei Darussalam Dalam Bidang Penerangan. Rombongan diketuai oleh Penolong Pengarah Pasukan Komunikasi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Encik Jaafar bin Jantan.



ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan Malaysia di Majlis Makan Malam yang dihoskan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.



UCAPAN alu-aluan dari Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan dalam Sesi Muzakarah Di Antara Pegawai-Pegawai dan Pengamal Perhubungan Awam Negara Brunei Darussalam dan Malaysia di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.



ENCIK Jargit Singh (Urus Setia), Penolong Pegawai Penerangan, Bahagian Media Komunikasi dan Korporat, Jabatan Penerangan Malaysia memberi penerangan mengenai pengendalian pusat media semasa tragedi kehilangan pesawat MH370 dan MH17.



PERKONGSIAN daripada pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Mulia ASP Haji Mohamad Noor bin Haji Abd Rahman, Ketua Unit Perhubungan Awam.



PARA delegasi dibawa meninjau secara lebih dekat lagi ke studio RTB.



DELEGASI Malaysia ketika berada di Studio kFM, DST Communications.



PROGRAM Sua Muka di Kampung Lambak Kiri.



DELEGASI Program Pertukaran Pegawai Perhubungan Awam ke Negara Brunei Darussalam bergambar ramai semasa membuat lawatan ke Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC).



DELEGASI Malaysia bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan serta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

PENTARAMA penyalur maklumat menerusi hiburan



15 OGOS 2015

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Foto : Masri Osman



HADIR menyaksikan persembahan, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pegawai Penerangan Kanan, Awang Azman bin Haji Abd Rahim serta para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



PERSEMBAHAN sketsa pentas Nakhoda Manis mengisikan PENTARAMA tersebut.



PENTARAMA berjaya menarik perhatian ramai penonton.

22 OGOS 2015

DAERAH TEMBURONG

Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ketika hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan persembahan PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan di Pentas Perayaan, Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.



SEBAHAGIAN daripada babak lakonan dalam sketsa Drama 'Punggur' semasa persembahan PENTARAMA di Pentas Perayaan, Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.



PERSEMBAHAN tarian daripada Flynn Dancers menyerikan PENTARAMA.

Persembahan PENTARAMA adalah sebagai salah satu medium untuk menyalurkan maklumat rasmi mengenai dasar dan aktiviti kerajaan serta hal ehwal semasa kepada orang ramai melalui persembahan pentas, iaitu nyanyian, tarian, sketsa drama dan lawak jenaka yang mana dihasratkan akan dapat menyuntik semangat patriotik, cintakan raja dan negara kepada masyarakat. Selain untuk menyampaikan maklumat semasa, PENTARAMA yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan juga memberikan peranan kepada artis-artis tempatan sebagai ‘role model’ dalam menangani isu sosial para remaja melalui pentas hiburan.

26 OGOS 2015

DAERAH TUTONG

Foto : Mohd. Adi Zamhari Haji Awang Yahya,
Dk Nur Hafilah Pg Osman



HADIR selaku tetamu kehormat menyaksikan persembahan PENTARAMA ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

29 OGOS 2015

DAERAH BELAIT

Foto : Noraishah Muhammed



PENYAMPAIAN hadiah oleh tetamu kehormat Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman kepada pemenang kuiz.



PERSEMBAHAN tarian daripada AJ Dancer.



PERSEMBAHAN sketsa drama ‘Punggur’ daripada Kumpulan Putra Seni.



PENTARAMA dipersembahkan oleh barisan artis dan penggiat seni tanah air.



ANTARA persembahan tarian yang dipersembahkan.

Ramah Mesra Hari Raya Jabatan Penerangan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 7 Ogos. - Aidilfitri merupakan kesempatan terbaik untuk saling melupakan semua perselisihan dan persengketaan, seterusnya mengukuhkan kerjasama di antara sesama sendiri.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad pada Majlis Sambutan Hari Raya Jabatan Penerangan yang berlangsung di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan.

Menyentuh mengenai majlis yang diadakan, Awang Mawardi berkata, majlis tersebut secara tidak langsung dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan sesama sendiri.

Turut hadir ialah para delegasi dari Malaysia yang menyertai Program Pertukaran Pegawai Perhubungan Awam ke Negara Brunei Darussalam.

Konsep Sambutan Aidilfitri pada tahun ini ialah mengikut rumah-rumah sukan, iaitu Pehin Orang Kaya Shahbandar, Pengiran Setia Negara, Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja dan Pehin Udana Khatib.



AMBUYAT dan sajian kampung dihidang di pondok Rumah Pehin Udana Khatib.



JUADAH beraneka rasa dihidang di pondok Rumah Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja.



DELEGASI Program Pertukaran Pegawai Perhubungan Awam ke Negara Brunei Darussalam dari Malaysia turut menghadiri Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan.



PERSEMBAHAN nyanyian lagu Hari Raya dari rumah Pehin Orang Kaya Shahbandar.



AHLI-AHLI rumah Pengiran Setia Negara mempersembahkan lagu Hari Raya.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada Pemenang Tapihan dan Tambatan Dastar sempena Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Jabatan Penerangan.

Program Jalinan Mesra Penerangan kuuhkan keharmonian



SESI bergambar ramai semasa Program Jalinan Mesra Penerangan di rumah Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Hernie Suliana Haji Othman,

Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 4 Ogos. - Program Jalinan Mesra Penerangan pada tahun ini diadakan di Mukim Kiudang.

Program tersebut dianjurkan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah tадahan Mukim Kiudang.

Sehubungan itu, serombongan dari Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad membuat kunjungan di beberapa buah kampung di bawah mukim berkenaan.

Juga menyertai rombongan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dan beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Terdahulu rumah Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin menjadi kunjungan pertama rombongan tersebut.

Seterusnya, rumah kediaman Ketua Kampung Pengkalan Mau/Bakiau, Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Jaluddin menjadi destinasi kedua program tersebut.

Selepas itu, rombongan menuju ke rumah kediaman Ketua Kampung Birau, Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyerahkan cenderamata kepada Ketua Kampung Pengkalan Mau / Bakiau, Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Jaluddin.



ROMBONGAN semasa berkunjung ke rumah Ketua Kampung Birau, Awang Haji Burhanuddin bin Haji Hashim.

Program Jalinan Mesra Penerangan di Daerah Temburong

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim



ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar mengabdiakan gambar kenang-kenangan ketika berkunjung berhari raya ke kediaman Penghulu Mukim Bokok, Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

TEMBURONG, Selasa, 11 Ogos. - Selain meneruskan tradisi kunjung-mengunjungi semasa Hari Raya Aidilfitri, Program Jalinan Mesra Penerangan boleh dijadikan platform bagi pemimpin akar umbi untuk menyuarakan permasalahan yang dihadapi di kawasan masing-masing.

Bagi daerah ini, program berkenaan menyusur ke kampung-kampung di bawah tадahan Mukim Bokok di mana rumah kediaman Penghulu Mukim Bokok, Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, terletak di Kampung Meniup, Jalan Pandaruan Temada, Mukim Bokok menjadi destinasi pertama program berkenaan.

Semasa kunjungan ini, rombongan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar itu juga mendengarkan beberapa isu yang diutarakan oleh beberapa orang ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di bawah tадahan Mukim Bokok.

Ketika ditemu bual, Awang Haji Emran berpendapat program seumpama ini boleh dijadikan wadah kemasyarakatan dan kerjasama antara Jabatan Penerangan dengan MPMK.

“Dengan adanya program ini sedikit sebanyak kitani dapat bertukar-tukar fikiran, di samping menerima maklum balas dan maklumat mengenai perkembangan semasa yang disampaikan oleh para pegawai dari Jabatan Penerangan umpamanya bagaimana cara kitani membarigakan pengibaran bendera termasuk tentang perkembangan semasa di Daerah Temburong,” ujarnya.

Rombongan yang juga disertai oleh para pegawai dan kakitangan mewakili bahagian-bahagian di Jabatan Penerangan meneruskan kunjungan berhari raya ke rumah Ketua Kampung Rataie, Awang Alli bin Haji Radin sebelum singgah di rumah Ketua Kampung Bokok, Awang Haji Jaman bin Hari Arsad, terletak di Kampung Bekarut, Jalan Pandaruan Temada, Mukim Bokok.

Program Jalinan Mesra Penerangan mengakhiri kunjungan berhari raya dalam suasana penuh muhibah



KUNJUNGAN berhari raya di bawah Program Jalinan Mesra Penerangan ketika berada di rumah Ketua Kampung Rataie, Awang Alli bin Haji Radin.



KETUA Kampung Bokok, Awang Haji Jaman bin Hari Arsad ketika menerima kunjungan rombongan dari Jabatan Penerangan semasa Program Jalinan Mesra Penerangan.

bersama Ketua Kampung Lepong Baru, Awang Ambol anak Bakit dan saudara-saudara baru yang mendiami Rumah Bahagia Kampung Semabat di Balai Ibadat Kampung Semabat.

Jalinan Mesra Penerangan anjuran Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri juga selaras dengan visi jabatan iaitu memberikan maklumat berkualiti dan kecemerlangan imej untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara.

Eratkan hubungan masyarakat di bulan Syawal

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 13 Ogos. - Program Jalinan Mesra Penerangan di Daerah Belait diadakan di Mukim Liang anjuran Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait serta Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dengan kerjasama Penghulu, ketua-ketua kampung dan ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah tадahan Mukim Liang.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad. Hadir sama ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar; Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, dan beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Rumah Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Mumin menjadi destinasi pertama rombongan tersebut. Ini diikuti dengan rumah Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Abd. Rahman bin Hashim dan yang ketiga rumah Pemangku Ketua Kampung Liang, Awang Haji Mohd. Ibrahim bin Datu Maharaja Setia Dian dan yang terakhir sekali di kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Negara merangkup Ketua Kampung Lumut I, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Kunjungan tersebut telah memberi peluang serta ruang kepada masyarakat di sekitar Mukim Liang dan kampung untuk berkongsi minda serta maklumat dan pendapat selain dari menjalin dan mengerat hubungan silaturahim yang telah sedia ada.



RAMAH mesra Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama Ketua Kampung Lumut I, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Shafiee bin Ahmad.



GAMBAR ramai bersama Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Abd Rahman bin Hashim.



GAMBAR ramai bersama Pemangku Ketua Kampung Liang, Awang Haji Mohd Ibrahim bin Datu Maharaja Setia Dian.



GAMBAR ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan rombongan bersama Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Abd Hamid bin Haji Mumin.

Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja

Oleh : Unit Latihan & Penyelidikan
Foto : Hernie Suliana binti Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 Ogos - Dua lagi orang pelajar Politeknik Brunei membentangkan hasil penempatan kerja dan menerima sijil mereka setelah menamatkan penempatan kerja mereka selama dua belas minggu di Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Penerangan. Penyampaian sijil telah

disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad. Hadir menyaksikan majlis ini ialah pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dan juga penyelia dan penyelaras program penempatan kerja Politeknik Brunei.



LED TV Jabatan Penerangan

Oleh : Unit Perhubungan Awam
Foto : Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok,
Mohammad Arif Metali



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Ogos - Screen LED TV di bangunan asal Ibu Pejabat Jabatan Penerangan telah dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Selain daripada memperkenalkan makluman semasa dan bahan terbitan jabatan, LED TV juga menangkat imej raja, negara dan kerajaan melalui tayangan gambar dan poster.



Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Awang Azman bin Haji Abd Rahim 2. Awang Musa bin Mohidin	Executive Seminar	11 Ogos 2015
3. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Managing Project	24 hingga 29 Ogos 2015
4. Awang Wahid bin Haji Halim 5. Awang Ishak bin Haji Othman @ Osman 6. Dayang Hajah Zaianit binti Haji Noorkhan 7. Awang Syahi bin Haji Ludin	Penempatan Kerja di Bahagian Commercial Printing Services, Syarikat Brunei Press Sendirian Berhad	25 hingga 27 Ogos 2015

Tahniah diucapkan kepada Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan atas pengurniaan Bintang Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B) oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-69 pada 29 Ogos 2015 di Istana Nurul Iman:



Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini:



Awang Mohammad Hisyam bin Idris
Jawatan : Pegawai Penerangan
Tarikh melapor : 3 Ogos 2015



Awang Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az bin Haji Tujoh
Jawatan : Pembantu Pegawai Luar Penerangan
Tarikh melapor : 10 Ogos 2015

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara kepada:



Dayang Aisah binti Haji Tengah
Penyambut Tetamu 'Open Vote'
Tarikh tamat perkhidmatan:
4 Ogos 2015

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242**